



IDZHAM MOHD. HASHIM (kiri) bersama **SM Faliq SM Nasimuddin** (dua dari kanan) dan **SM Nasarudin SM Nasimuddin** melancarkan Met Galleria di Kuala Lumpur, semalam.

Naza TTDI lancar komponen runcit pertama Met Galleria

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 31 Julai - Syarikat pemaju hartanah Naza TTDI Sdn. Bhd. melancarkan komponen runcit pertama bagi projek KL Metropolis, Met Galleria dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM160 juta.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi Naza TTDI, Datuk Idzham Mohd. Hashim berkata, Met Galleria merupakan sebuah pusat beli-belah dua tingkat berkeluasan 7,432 meter persegi yang mempamerkan ciri kolonial dan moden di bina di dalam kompleks MET 1 yang turut dilengkapi unit kediaman dan pejabat.

Katanya, 40 peratus daripada ruang runcit Met Galleria dikhususkan bagi peruncit makanan dan minuman (F&B), 20 peratus bagi kedai konsep dan bakinya akan diagihkan kepada penyewa utama, penyedia perkhidmatan serta kiosk.

"Met Galleria akan memenuhi keperluan penduduk di MET 1 serta Mont Kiara selain daripada pekerja daripada pejabat berdekatan dan pelawat Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC)," katanya pada majlis pelancaran Met Galleria di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin dan Pengerusi Naza TTDI, SM Nasarudin SM Nasimuddin.

Tambah Idzham, MET 1 telah 15 peratus dibangunkan dan dija-



40 peratus daripada ruang runcit Met Galleria dikhususkan bagi peruncit makanan dan minuman (F&B), 20 peratus bagi kedai konsep dan bakinya akan diagihkan kepada penyewa utama, penyedia perkhidmatan serta kiosk."

IDZHAM MOHD. HASHIM
Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi Naza TTDI

ngka siap sepenuhnya menjelang suku pertama 2021.

Sementara itu Idzham berkata, Naza TTDI akan memberi maklumat lanjut mengenai komponen-komponen lain bagi projek pembangunan KL Metropolis pada bulan-bulan akan datang.

"Pengumuman yang akan dibuat kelak akan melonjakkan lagi nilai pasaran bagi kedua-dua komponen kediaman dan komersial di KL Metropolis dan saya boleh katakan yang projek ini telah menarik perhatian banyak pelabur dari dalam dan luar negara dan kami terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana syarikat sebagai rakan kongsi," katanya.

Selain MET 1, pembangunan lain yang dijalankan di KL Metropolis termasuklah menara korporat Naza, Arte Mont Kiara dan Mitec.